

Umpan Porsche serendah RM10,000

Kastam tumpas kegiatan sindiket seludup kereta mewah dari Singapura

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
KOTA BHARU



Kegiatan satu sindiket antarabangsa mengedar kereta mewah diseludup dari Singapura dengan tawaran harga sehingga 40 peratus lebih rendah berbanding pasaran berjeray dipatahkan pinak berkuasa.

Pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Kelantan, Wan Jamal Abdul Salan Wan Long berkata, pihaknya menerima maklumat berhubung kegiatan itu sebelum melakukan risikan selama sebulan dan melancarkan operasi khas di Johor pada 18 hingga 24 Mei lalu.

“Kastam berjaya merampas sembilan kenderaan mewah bernilai RM1.46 juta dipercayai dibawa masuk dari negara

jiran dengan anggaran cukai RM2.75 juta. “Kereta jenis Porsche Panamera, Mercedes-Benz, BMW, Audi A5 dan Jaguar dirampas berusia berusia lebih lima tahun,” katanya ketika sidang akhbar di Wisma Kastam, Padang Bongo, di sini pada Selasa.

Menurut Wan Jamal, modus operan di sindiket adalah dengan meletakkan kereta mewah di beberapa parkir sekitar Johor Bahru sebelum menjualnya kepada pembeli tempatan.

“Siasatan awal mendapati, sindiket ini dipercayai dianggotai rakyat tempatan dan warga Singapura dengan menyasarkan pembeli yang mahu memiliki kereta mewah dengan harga murah.

“Kereta seludup ditawarkan pada harga serendah RM10,000 menjadi umpan utama sindiket untuk menarik pembeli yang tidak memikirkan risiko undang-undang,” katanya.

Tambahnya, kenderaan itu diklasifikasikan sebagai barang larangan import mengikut Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023 dan kes disiasat di bawah Seksyen 135(1)(d) Akta Kastam 1967.



Wan Jamal (kanan) menunjukkan Porsche Panamera disita JKDM Kelantan.

“Sehubungan itu, saya nasihatkan orang ramai termasuk pembeli boleh di kenakan tindakan undang-undang serta kenderaan dirampas,” tegasnya.

Dalam pada itu, Wan Jamal berkata JKDM Kelantan mencatatkan prestasi membanggakan sepanjang Januari hingga

Ogos tahun ini dengan 958 kes rampasan pelbagai komoditi bernilai RM50.29 juta membabitkan cukai lebih RM15.82 juta.

“Rampasan terbesar membabitkan dadan bernilai RM21.36 juta, diikuti rokok (RM2.19 juta) dan ayam beku sebanyak RM2.11 juta,” katanya.